

**Teks Ucapan Naib Canselor**  
**Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon**  
**Syarahan Anugerah Merdeka**  
**Dewan Resital**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Yang Berbahagia Profesor Dato' Ir. Dr. Zaini Ujang

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia

Y.Bhg. Datuk Mohd Khalid bin Mohd

Pengarah Eksekutif Anugerah Merdeka

Y.Brs. Tuan Hj Mohamed Noor Rosli Baharom

Pengarah Perkhidmatan Pelajar, Universiti Teknologi Petronas

Y.Brs. Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah,

Dekan Sekolah Sains dan Teknologi

Pegawai-pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UMS

Pegawai-pegawai Kanan UMS

Kakitangan dan para pelajar UMS

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnianya kita dapat berkumpul bersama-sama di Dewan Resital pada pagi ini sempena Syarahan Anugerah Merdeka yang akan disampaikan Profesor Dato' Ir. Dr. Zaini Ujang, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia sebentar lagi. Saya bagi pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) sangat mengalu-alukan kehadiran Y.Bhg Dato' ke universiti ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Universiti Teknologi Petronas (UTP) kerana telah

memilih dan memberi kepercayaan kepada UMS sekali lagi sebagai pengajur bersama program Syarahan Anugerah Merdeka ini.

Para hadirin sekalian,

Para Pada 27hb Ogos 2007, tiga organisasi, iaitu Exxon Mobil, PETRONAS dan Shell telah berkerjasama untuk mengasaskan suatu anugerah yang sangat berprestij dinamakan Anugerah Merdeka. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf dan memberi perhargaan kepada mereka yang telah memberikan sumbangan yang besar terhadap rakyat Malaysia dalam bidang masing-masing.

Sebagai makluman semua, anugerah ini dinamakan Anugerah Merdeka bagi memperingati semangat kemerdekaan yang sebenar, yang menjangkau makna yang lebih luas daripada definisi konvensional bagi kedaulatan negara. Makna ini termasuklah kemerdekaan dari segi pemikiran dan juga semangat – yang merupakan antara faktor yang boleh merealisasikan potensi manusia dalam mencapai kecemerlangan.

Anugerah Merdeka ini diadakan bertujuan untuk mendorong dan menggalakkan usaha yang melampaui tahap biasa, memperluas zon selesa serta membentuk rangka pemikiran yang baru di kalangan rakyat Malaysia. Justeru, Anugerah Merdeka meraikan dan mengiktiraf pembebasan minda dan jiwa, keperibadian tinggi serta integriti yang menjadi asas pencapaian yang bermakna dan kreativiti serta visi yang memungkinkan keunggulan.

Sehubungan itu, pada kesempatan ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Profesor Dato' Ir. Dr Zaini Ujang atas kejayaan memenangi Anugerah Merdeka 2009 bagi kategori Pencapaian Ulung Akademik. Saya secara peribadi amat kagum dengan pencapaian beliau kerana dalam usia yang agak muda telah memperkenalkan beberapa kejayaan yang begitu cemerlang dan berimpak tinggi selain merangkul pelbagai pengiktirafan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada hari ini kita sangat bertuah kerana Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Zaini Ujang ada bersama-sama dengan kita bagi menyampaikan Syarahan Anugerah Merdeka yang bertajuk: ***Water War? The Science and Politic of Water Management***.

Sememangnya tajuk syarahan ini amatlah sesuai lagi tepat pada masanya. Ini kerana beberapa minggu yang lalu, seluruh Malaysia telah berhadapan dengan isu bekalan air berikutan musim kemarau yang panjang, kesan daripada fenomena alam, El-Nino yang baru sahaja berakhir.

Berikutan pemanasan sejagat yang dilaporkan semakin ketara kesannya, pola musim hujan dan kemarau telah berubah dari segi masa dan tempoh, malah jumlah hujan yang turun juga berubah. Dalam masa yang sama, kualiti air yang ada dalam persekitaran kita juga turut merosot, dan ini antara lain adalah disebabkan oleh kesan daripada aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi dan pengurusan yang tidak mapan.

Justeru itu, isu air perlu dilihat secara holistik dan ini sudah pasti melibatkan semua pihak termasuk teknologi kemahiran sains dan politik agar pengurusan sumber asas kehidupan ini akan terus terjamin.

Para hadirin sekalian,

Saya tidak berniat untuk memanjangkan ucapan ini kerana saya percaya, sebagai seorang yang sangat pakar dalam pelbagai aspek berkaitan dengan air, Profesor Dato' Zaini Ujang akan mengulas lanjut berhubung dengan masalah ini sebentar lagi.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Universiti Teknologi Petronas (UTP) kerana telah memilih dan memberi kepercayaan kepada UMS sebagai pengajur bersama program Syarahan Anugerah Merdeka ini. Saya menyeru kepada seluruh hadirin dan hadirat lebih-lebih kepada warga UMS yang hadir pada pagi ini agar dapat memanfaatkan dan menghayati syarahan ini dengan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.